

SURAT SETUJU TERIMA

MPC.100-14/1/23

25 November 2022

ENFRASYS SOLUTIONS SDN. BHD.

DF2-15-01 (Unit 3)

Level 15, Persoft Tower

6B Persiaran Tropicana, Tropicana Golf & Country Resort Resort

47410 Petaling Jaya, Selangor

(U/P : Pn. Ismanita binti Ismail)

PELANTIKAN PEMBEKAL KEPADA ENFRASYS SOLUTIONS SDN. BHD. BAGI PERKHIDMATAN MEMPERBAHARUI LANGGANAN LESEN, KHIDMAT SOKONGAN DAN LATIHAN MICROSOFT OFFICE 365 BAGI PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) SELAMA TIGA TAHUN (1 DISEMBER 2022 SEHINGGA 30 NOVEMBER 2025) SECARA RUNDINGAN TERUS KEPADA MANAGED SERVICE PROVIDER (MSP) YANG DILANTIK KERAJAAN.

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebut harga syarikat puan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia Sembilan Ratus Empat Puluh Lima Ribu Lapan Puluh Tujuh dan Lima Puluh Dua Sen sahaja (RM 945,087.52) termasuk 6% SST** yang merupakan harga kontrak bagi tempoh kontrak selama 3 tahun tertakluk kepada dokumen sebut harga yang menjadi sebahagian daripada perolehan ini dan Surat Setuju Terima ini berserta dengan Lampiran A kepada Surat Setuju Terima iaitu maklumat terperinci kontrak (selepas ini disebut sebagai "Surat ini").

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara Kerajaan dengan syarikat puan. **Satu dokumen kontrak** hendaklah ditandatangani dengan kadar segera dengan memasukkan semua terma sebagaimana dokumen sebut harga serta semua terma dalam **Lampiran A**. Sehingga dokumen kontrak tersebut ditandatangani, Surat ini hendaklah terus

TRANSFORMATION • INNOVATION • PARTNERSHIP

(Sila rujuk bilangan surat ini apabila menjawab)

mengikat kedua-dua pihak. Jadual di bawah adalah jadual fasa pembayaran sebagai rujukan:

Jadual 1: Perkhidmatan Langganan Lesen dan Khidmat Sokongan Teknikal

NO.	ITEM	KUANTITI	KOS/ UNIT	TAHUN 2022 (RM)	TAHUN 2023 (RM)	TAHUN 2024 (RM)	JUMLAH 3 TAHUN (RM)
A.	LESEN O365						
	TEMPOH PEMBAHARUAN			1 DEC 22 - 30 NOV 23	1 DEC 23 - 30 NOV 24	1 DEC 24 - 30 NOV 25	-
1	AAA-10841 - O365E3 ShrdSvr ALNG SubsVL MVL Gov Only Per User	350	772	270,200.00	270,200.00	270,200.00	810,600.00
2	SY9-00001 - O365E5 ShrdSvr ALNG SubsVL MVL Gov Only Per User	5	1,342.00	6,710.00	6,710.00	6,710.00	20,130.00
3	1O4-00001 - Power Automate Attended RPA USL Sub Per User	2	1,477.00	2,954.00	2,954.00	2,954.00	8,862.00
B.	SUPPORT SERVICES						
4	SVC-SUP DESCRIPTION/ SPECIFICATION - MPC SUPPORT PLAN (1 YEAR) - Estimate to be in 2 nd Year	1	30,000.00	N/A	30,000.00	N/A	30,000.00
	JUMLAH			279,864.00	309,864.00	279,864.00	869,592.00
	SST 6%			16,791.84	18,591.84	16,791.84	52,175.52
	JUMLAH KESELURUHAN			296,655.84	328,455.84	296,655.84	921,767.52

Jadual 2: Perkhidmatan Latihan

C.	TRAINING**	UNIT	KOS	JUMLAH (RM)	SST 6%	JUMLAH KESELURUHAN
5	Training 02 Administrative Office 365 (2 DAYS)	1	7,500.00	7,500.00	450	7,950.00
6	Training02 Introduction to Microsoft Power BI (1DAY)	1	3,500.00	3,500.00	210	3,710.00
7	Training02 Get Started with Power Automate (1DAY)	1	3,500.00	3,500.00	210	3,710.00
8	Training02 Introduction to PowerApps (2 DAYS)	1	7,500.00	7,500.00	450	7,950.00
	JUMLAH KESELURUHAN			22,000.00	1,320.00	23,320.00

**Pembayaran hanya akan dibuat selepas perkhidmatan dilaksanakan dan sah dalam tempoh 3 tahun.

3. Adalah dimaklumkan bahawa tiada perkhidmatan boleh dibuat melainkan jika syarikat tuan telah mengemukakan kepada Kerajaan suatu bon pelaksanaan yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah **Ringgit Malaysia Tujuh Ribu Lapan Ratus Tujuh Puluh Lima dan Tujuh Puluh Tiga Sen (RM 7,875.73)** seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A** tidak melebihi 14 hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan.

4. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan 2 dan 3 dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggung terhadap syarikat puan **melainkan jika** penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

5. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat puan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan. Pihak puan juga dikehendaki membekalkan perkhidmatan seperti yang telah dinyatakan di dalam spesifikasi teknikal sebut harga. Sekiranya syarikat puan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Denda/ Tolakan/ Liquidated & Ascertained Damages (LAD).

6. Syarikat puan juga adalah diingatkan bahawa Kerajaan berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- a. Syarikat puan gagal mematuhi terma di perenggan 2 dan 3 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- b. Syarikat puan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- c. Syarikat puan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;


- d. Syarikat puan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
 - e. Syarikat puan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
 - f. Syarikat puan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu;
 - g. Syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di Lampiran A;
 - h. Syarikat puan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen sebut harga;
 - i. Syarikat puan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
 - j. Syarikat puan digulungkan;
 - k. Syarikat puan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
 - l. Syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau Service Level Agreement;
 - m. Syarikat puan tidak mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
 - n. Terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.
7. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 6, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat puan termasuk kerugian masa hadapan.
8. Bersama-sama Surat ini disertakan **Surat Akuan Pembida Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat** seperti di **Lampiran B dan Lampiran C** untuk ditandatangani oleh syarikat puan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

9. Surat ini dihantar kepada syarikat puan dalam tiga (3) salinan. **Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat puan dan saksi syarikat puan tidak melebihi 7 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya.** Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungjawab terhadap syarikat puan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”


Saya yang menjalankan amanah,



(~~DATO' ABDUL LATIF~~ HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah MPC.100-14/1/23 bertarikh dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung Surat ini telah dikenakan.




Tandatangan Perunding

Nama Penuh: **TENGKU RAZMI BIN TENGKU OTHMAN**

No. Kad Pengenalan: **700426-10-5413**

Alamat: **ENFRASYS SOLUTIONS SDN. BHD.
200301000701 (603121-U)
DF2-15-01 (Unit 3), Level 15, Persoft Tower,
68 Persiaran Tropicana,
47410 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia**

Tarikh:.....



Tandatangan Saksi

Nama Penuh: **ISMANITA ISMAIL**

No. Kad Pengenalan: **741016-07-5276**

Alamat: **ENFRASYS SOLUTIONS SDN. BHD.
200301000701 (603121-U)
DF2-15-01 (Unit 3), Level 15, Persoft Tower,
68 Persiaran Tropicana,
47410 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.**

Tarikh:.....

Meterai atau Cop Perunding



Tarikh:

**potong mana yang tidak berkenaan*

1. Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)

1.1 No. Pendaftaran : 30121-0 603121-0

1.2 Tempoh Sah Laku : _____

2. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)

2.1 No. Pendaftaran : 357 - 021 00 848

2.2 Tempoh Sah Laku : 15 JUL 2020 - 15 JUL 2023

2.3 Kod Bidang : 210 101 , 210 103 , 210 109

2.4 Taraf Syarikat : BUMI PUTERA

2.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera : _____

3. Harga dan Tempoh Kontrak

3.1 Harga Kontrak : _____

3.2 Tempoh Kontrak : _____

3.3 Tarikh Mula Kontrak : _____

3.4 Tarikh Akhir Kontrak : _____

Tempoh dan Jadual Penyempurnaan Perkhidmatan

*Senara item, kuantiti, jenis perkhidmatan dan/atau tempoh serta jadual penyempurnaan perkhidmatan yang ditetapkan seperti di **Lampiran A2**

**Lampiran A2 (Jadual spesifikasi dalam dokumen Sebutharga) adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual pembekalan mengikut tawaran syarikat – untuk tindakan MPC*

4. Bon Pelaksanaan

(*diisi oleh MPC)

4.1 Kadar Bon Pelaksanaan : 2.5%
RM 315,029.17 (nilai setahun dari RM 945,087.52)

4.2 Formula Bon Pelaksanaan : x 2.5%

4.3 Nilai Bon Pelaksanaan : RM 7,875.73

4.4 Bentuk Bon Pelaksanaan : Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad; atau Jaminan Syarikat Kewangan; atau Jaminan Insurans/ Takaful

4.5 Tempoh Sah Laku : Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak (30 November 2025) atau tarikh obligasi terakhir mengikut mana yang terkemudian

LAMPIRAN A2

Jadual 1: Perkhidmatan Langganan Lesen dan Khidmat Sokongan Teknikal

NO.	ITEM	KUANTITI	KOS/ UNIT	TAHUN 2022 (RM)	TAHUN 2023 (RM)	TAHUN 2024 (RM)	JUMLAH 3 TAHUN (RM)
A.	LESEN O365						
	TEMPOH PEMBAHARUAN			1 DEC 22 - 30 NOV 23	1 DEC 23 - 30 NOV 24	1 DEC 24 - 30 NOV 25	-
1	AAA-10841 - O365E3 ShrdSvr ALNG SubsVL MVL Gov Only Per User	350	772	270,200.00	270,200.00	270,200.00	810,600.00
2	SY9-00001 - O365E5 ShrdSvr ALNG SubsVL MVL Gov Only Per User	5	1,342.00	6,710.00	6,710.00	6,710.00	20,130.00
3	1O4-00001 - Power Automate Attended RPA USL Sub Per User	2	1,477.00	2,954.00	2,954.00	2,954.00	8,862.00
B.	SUPPORT SERVICES						
4	SVC-SUP DESCRIPTION/ SPECIFICATION - MPC SUPPORT PLAN (1 YEAR) - Estimate to be in 2 nd Year	1	30,000.00	N/A	30,000.00	N/A	30,000.00
	JUMLAH			279,864.00	309,864.00	279,864.00	869,592.00
	SST 6%			16,791.84	18,591.84	16,791.84	52,175.52
	JUMLAH KESELURUHAN			296,655.84	328,455.84	296,655.84	921,767.52

Jadual 2: Perkhidmatan Latihan

C.	TRAINING**					
		UNIT	KOS	JUMLAH (RM)	SST 6%	JUMLAH KESELURUHAN
5	Training 02 Administrative Office 365 (2 DAYS)	1	7,500.00	7,500.00	450	7,950.00
6	Training02 Introduction to Microsoft Power BI (1DAY)	1	3,500.00	3,500.00	210	3,710.00
7	Training02 Get Started with Power Automate (1DAY)	1	3,500.00	3,500.00	210	3,710.00
8	Training02 Introduction to PowerApps (2 DAYS)	1	7,500.00	7,500.00	450	7,950.00
	JUMLAH KESELURUHAN			22,000.00	1,320.00	23,320.00

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

PERKHIDMATAN MEMPERBAHARUI LANGGANAN LESEN, KHIDMAT SOKONGAN DAN LATIHAN MICROSOFT OFFICE 365 BAGI PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) SELAMA TIGA TAHUN (1 DISEMBER 2022 SEHINGGA 30 NOVEMBER 2025) SECARA RUNDINGAN TERUS KEPADA MANAGED SERVICE PROVIDER (MSP) YANG DILANTIK KERAJAAN


Saya, TENGGU ROZMI BIN TENGGU OTHMAN nombor K.P. 700625-10-5913 yang mewakili ENFRASYS SOLUTIONS SDN BHD (nama syarikat) nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) 30121-U dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam *sebut harga/tender seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (nama kementerian/agensi) atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,


(Nama dan No. KP) Cop Syarikat :
TENGGU ROZMI BIN TENGGU OTHMAN
700625 - 10 - 5913



Catatan:

- i) * Potong mana yang tidak berkenaan
- ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT

Saya TENGKU RAZMI BIN TENGKU OTHMAN nombor kad pengenalan yang mewakili syarikat EMFLOSYS SOLUTIONS SDN. BHD nombor pendaftaran 603121-U (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (a) syarikat **TIDAK** membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (b) syarikat **TIDAK** membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (c) syarikat **TIDAK** terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (d) syarikat/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah **TIDAK** disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia; dan
- (e) syarikat **TIDAK** digulungkan.

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan diatas adalah tidak benar, Kerajaan berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut didalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan
sebenar-benarnya diakui oleh

Tandatangan.....

TENGKU RAZMI BIN TENGKU OTHMAN

di W.P Putrajaya

pada 02 DEC 2022



Catatan:

- i. *Potong mana yang tidak berkenaan.
- ii. Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di siji pendaftaran MOF/CIDB.

Suite 49B, Jalan Diplomatik
Diplomatic Enclave, Presint Diplomatik
62050 PUTRAJAYA
Wilayah Persekutuan Putrajaya
Hp No: +6013 888 1287